

30 APR 2001

Umno-Rangkuman

GANDINGAN MUKA LAMA, MUKA BARU KETUAI UMNO BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Persidangan perwakilan Umno bahagian yang berlangsung sepanjang bulan ini menyaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing mengekalkan jawatan ketua bahagian Umno Kubang Pasu dan Kepala Batas.

Di KEDAH, Dr Mahathir yang menerajui Umno Kubang Pasu sejak 1974, ialah antara 11 daripada 15 ketua bahagian yang mengekalkan jawatan itu, enam daripadanya tanpa bertanding.

Kemenangan tanpa bertanding jawatan ketua bahagian turut menjadi milik Penasihat Agama Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman (Sik), Setiausaha Politik Tun Daim Zainuddin, Datuk Arzmi Abdul Hamid (Merbok) dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Baharu).

Selain Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang menang tanpa bertanding di Kuala Kedah, tiga lagi muka baru wujud setelah bekas timbalan ketua bahagian merebut jawatan ketua dengan menyingkirkan "boss" masing-masing.

Mereka ialah anggota exco kerajaan negeri Datuk Zainol Mohamed Isa yang menewaskan bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman di Baling; bekas anggota exco Abdul Rahman Ariffin menumpaskan Datuk Hanafi Ramli di Jerlun dan bekas anggota exco Datuk Ghazali Ibrahim menyingkirkan bekas timbalan menteri kewangan Datuk Dr Afiffuddin Omar di Padang Terap.

Di bahagian Padang Terap, Jawatankuasa Pemilihan Umno Kedah memutuskan untuk menggantung aktiviti jawatankuasa baru yang dipilih, berikutan terdapat aduan mengenai kertas undi melebihi jumlah perwakilan yang diumumkan oleh pengerusi tetap semasa mesyuarat. Kes itu telah dirujuk kepada Majlis Tertinggi Umno.

Pemilihan di Kedah juga menyaksikan Ketua Pemuda Umno Kulim/Bandar Baharu Azimi Daim yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, gagal mengisi jawatan timbalan ketua bahagian itu apabila tewas kepada penyandangannya, Abdul Halim Abdul Rahman.

Di PULAU PINANG, lapan penyandang ketua bahagian mengekalkan jawatan mereka tanpa bertanding, dua muka baru muncul dan satu bahagian masih lagi belum mengadakan persidangan perwakilan berikutan masalah dalaman.

Selain Abdullah yang mengekalkan jawatan ketua bahagian Kepala Batas, antara pemimpin lain yang menang tanpa bertanding ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya (Balik Pulau), Timbalan Menteri Pertanian Datuk Seri Mohamed Shariff Omar (Tasek Gelugor) dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Datuk Rashid Abdullah.

Dua muka baru yang dipilih sebagai ketua bahagian ialah Datuk Ahmad Saad (Permatang Pauh) yang sebelum ini memangku jawatan itu selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada parti.

Seorang lagi ialah Datuk Musa Sheikh Fadzir yang menang tanpa bertanding di Bukit Mertajam setelah penyandang jawatan itu Datuk Dr Ibrahim Saad tidak layak bertanding berikutan tidak mendapat pencalonan yang mencukupi. Musa sebelum ini merupakan timbalan ketua bahagian berkenaan.

Bahagian Jelutong ialah satu-satunya bahagian yang masih belum mengadakan persidangan perwakilan berikutan beberapa masalah melibatkan lapan cawangannya.

Di JOHOR, 14 penyandang jawatan ketua bahagian mengekalkan jawatan tanpa bertanding manakala daripada enam yang menghadapi pertandingan, lima daripadanya menang dan seorang yang memangku jawatan itu tewas.

Antara yang menang tanpa bertanding ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman (Ledang), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh), Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Tenggara) dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Dr Abdul Latif Ahmad (Mersing).

Bekas menteri penerangan Tan Sri Mohamed Rahmat menang tanpa bertanding bagi menerajui bahagian Pulaui dan anaknya Datuk Nur Jazlan Mohamed turut menang tanpa bertanding untuk jawatan timbalan ketua bahagian itu.

Anggota Parlimen Parit Sulong pula Datuk Ruhanie Ahmad menarik diri daripada bertanding mempertahankan kerusi naib ketua Umno bahagian Parit Sulong.

Di KELANTAN, 11 daripada 14 ketua bahagian mengekalkan kedudukan masing-masing bagi penggal baru, lima daripadanya menang tanpa bertanding.

Mereka ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed selaku ketua bahagian Jeli, bekas pengerusi badan perhubungan negeri itu Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang), bekas menteri pembangunan luar bandar Datuk Annuar Musa (Peringat), bekas timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas) dan Tuan Hashim Tuan Yaacob (Kubang Kerian).

Dua ketua bahagian iaitu Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher (Kota Baharu) dan Datuk Ariffin Abdul Hamid (Pengkala Chepa), kedua-duanya pemimpin veteran Umno di Kelantan, kecewa apabila ditewaskan oleh pencabar masing-masing.

Begitu juga usaha seorang lagi pemimpin veteran Umno, Tan Sri Hussein Ahmad, bekas ketua penerangan Umno pusat untuk menduduki semula kerusi ketua bahagian Rantau Panjang tidak berhasil apabila tewas kepada Mohamed Zin Ismail.

Di PERLIS, negeri yang hanya mempunyai tiga bahagian Umno, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim menang tanpa bertanding jawatan ketua bahagian Arau manakala Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid menang tanpa bertanding bagi jawatan ketua bahagian Umno Padang Besar. Kedua-dua mereka adalah penyandang jawatan itu sebelum ini.

Bagaimanapun, di bahagian Kangar, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Radzi Sheikh Ahmad menepati ramalan para pemerhati apabila memenangi jawatan ketua bahagian itu yang dikosongkan Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh setelah menumpaskan bekas ketua Pergerakan Pemuda Umno Perlis Ahmad Bakri Datuk Ali.

Di PERAK, 14 daripada 23 bahagian Umno di negeri itu berjaya mengelak berlakunya pertandingan peringkat ketua bahagian atas nasihat Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang menang tanpa bertanding sebagai ketua bahagian Gerik.

Bekas menteri besar yang kini Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib turut kekal sebagai ketua bahagian Pasir Salak walaupun dicabar hebat oleh bekas timbalan ketua bahagian Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, bekas menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Shamsuddin yang pernah menjadi ketua bahagian Gopeng cuba merebut kembali jawatan itu tetapi tewas kepada penyandang jawatan, Mustapha Kamal Nawi.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz pula menjadi ketua bahagian Chenderoh yang baru apabila diberi laluan oleh penyandang jawatan itu, Datuk Talha Ismail manakala Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin pula menjadi ketua bahagian Bagan Serai setelah diberi laluan oleh penyandang jawatan Datuk Qamaruzzaman Ismail.

Sementara itu, anggota exco Pergerakan Pemuda Dr Zambry Abdul Kadir

gagal merebut jawatan ketua bahagian Umno Lumut.

Di SABAH, semua ketua bahagian di 18 daripada 20 bahagian Umno negeri itu yang telah mengadakan persidangan perwakilan setakat ini, kekal di jawatan masing-masing dengan 13 daripada mereka menang tanpa bertanding.

Antara yang menang tanpa bertanding ialah bekas ketua menteri Datuk Osu Sukam yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah di Papar, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Salleh Tun Said di Kota Belud serta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam di Kinabalu.

Tokoh Umno Sabah lain yang turut kekal ialah Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal (Semporna), Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin (Beaufort), Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman (Libaran) dan Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Sukan Datuk Yahya Hussin di Penampang.

Di NEGERI SEMBILAN yang mempunyai tujuh bahagian, antara yang menang tanpa bertanding ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Lilah Yasin, masing-masing untuk jawatan ketua bahagian Umno Telok Kemang, Jelebu dan Jempol.

Di Kuala Pilah, Datuk Abu Zahar Ujang yang memegang jawatan ketua bahagian itu sejak 1987 tewas kepada anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Senaling Ismail Lasim manakala seorang lagi ahli politik veteran Datuk Napsiah Omar turut tewas mempertahankan jawatan ketua Wanita bahagian berkenaan.

Di PAHANG, daripada 11 bahagian Umno, enam menyaksikan ketua bahagian mengekalkan jawatan masing-masing tanpa bertanding sementara empat bahagian lagi menyaksikan ketua bahagian memberi laluan kepada pemimpin baru.

Antara ketua-ketua bahagian yang mengekalkan jawatan termasuk Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob (Bentong), Menteri Pertahanan dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak (Pekan) dan Timbalan Menteri Besar Datuk Tan Mohamed Aminuddin Ishak (Maran).

Di Paya Besar, pemangku ketua bahagian yang juga Adun Lebar Ahmad Tajuddin Sulaiman menang tanpa bertanding selepas mendapat pencalonan dari keseluruhan bahagian. Jawatan ketua bahagian kosong selepas dilepaskan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Bahagian Umno Kuantan digantung mesyuarat pemilihannya oleh Majlis Tertinggi Umno pada 31 Mac lepas.

-- BERNAMA